

Rakyat perlukan internet bukan emel percuma
Malaysiakini.com
April 21, 2011

Kerajaan Negeri Selangor menyedari akan peranan internet yang banyak menyumbang kepada perluasan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat.

Justeru, projek-projek internet percuma yang sedang giat dijalankan di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor adalah sebahagian daripada manifesto kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat yang mengutamakan kehendak dan kepentingan rakyat.

Berhubung Projek Emel 1Malaysia yang dilancarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan akaun email kepada semua warga Malaysia untuk urusan rasmi dengan kerajaan, saya ingin menegaskan bahawa sesuatu yang diinginkan oleh rakyat sebenarnya bukanlah emel percuma, kemudahan Internet percuma.

Dengan pemberian ini, bagaimana rakyat ingin menggunakan emel percuma sekiranya perkara asas untuk menggunakan emel iaitu internet tidak disediakan?

Kerajaan Malaysia seolah-olah tidak tahu apa yang lebih penting untuk rakyat dan tidak tahu apa keperluan dan kehendak rakyat di bawah. Ini sekali lagi menunjukkan projek kerajaan persekutuan di bawah BN dibuat secara tergesa-gesa, tidak teliti dan tidak dirancang rapi.

Syarikat Tricubes Berhad pula dilaporkan mengalami masalah kewangan dan berstatus GN3 di Bursa Malaysia. Bagaimana syarikat yang mempunyai masalah kewangan ini dapat menjayakan projek ini?

Alasan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa projek ini tidak menggunakan dana awam adalah sesuatu yang tidak munasabah dan langsung tidak masuk akal.

Justeru, saya menyeru kepada semua rakyat Malaysia agar bangkit mendesak kerajaan Malaysia menghentikan projek emel 1Malaysia ini, sebaliknya mendesak kerajaan Malaysia memberikan kemudahan internet percuma seperti mana yang dilaksanakan kerajaan Pakatan Rakyat sekiranya benar kerajaan Malaysia mendahulukan rakyat.

Penulis adalah Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi & Inovasi dan Kebudayaan Kerajaan Negeri Selangor